

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM



### MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2026

#### 22 Januari 2026

Majlis Amanat Tahun Baharu 2026 disempurnakan oleh YBhg. Dato' Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah AKM bersama-sama warga AKM telah diadakan pada 22 Januari 2026 di Institut Kenegaraan Perdana, Kuala Lumpur.

YBhg. Dato' Roslan bin Hussin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga AKM yang memberi kerjasama dan komitmen yang baik sepanjang tahun 2025. Beliau turut berkongsi mengenai pencapaian tahun 2025, hala tuju dan perancangan strategik 2026 selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Majlis diteruskan dengan amanat Ketua Pengarah AKM yang menegaskan komitmen memperkukuh latihan, meningkatkan penguasaan sistem maklumat dan membudayakan integriti. Beliau turut menekankan penilaian berasaskan 4R melalui teknik "Rice" bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan tugas serta kelestarian tadbir urus. Amanat ini diharap menjadi pemangkin semangat warga AKM untuk terus berkhidmat dengan dedikasi, profesionalisme dan integriti demi pembangunan negara yang mampan.





PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA BULETIN AKM

## RAKAMAN PODCAST KENEGARAAN SEMPENA MAJLIS PERHIMPUNAN DAN AMANAT KETUA PENGARAH

Sesi Rakaman Podcast Kenegaraan telah berlangsung semasa Majlis Perhimpunan Bulanan dan Amanat Ketua Pengarah AKM Tahun 2026.

Podcast yang bertajuk “Ketidaktentuan Global dan Implikasinya terhadap Malaysia”, menampilkan tetamu kehormat YB Senator Profesor Emeritus Dato’ Dr. Mohammad Redzuan Othman dan YBhg. Dato’ Haji Jaafar bin Muhammad.

Moderator diskusi dikendalikan oleh YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Jessica Ong Hai Liaw. Siaran penuh podcast dimuatnaik di semua platform media sosial rasmi AKM, termasuk Facebook dan YouTube.



### PERKONGSIAN BICARA PENDEK

Slot bicara pendek menampilkan dua topik utama iaitu “Rasionalisasi Subsidi: Langkah Disiplin Fiskal Negara” yang disampaikan oleh Encik Muhammad Syukri bin Mohd Noor, Penolong Pengarah Bahagian Eksekutif dengan tajuk dan “Kenapa perjanjian Art Malaysia - Amerika Syarikat penting?” yang disampaikan oleh Puan Nor Fathihah bin Mohd Saman, Penolong Pengarah, AKM Perlis.



Perkongsian ini memberi pendedahan mengenai kepentingan pengurusan kewangan negara yang lebih berhemah dan peranan kerjasama antarabangsa dalam memperkukuhkan kedudukan dan kepentingan Malaysia di peringkat Global.



PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM

### SENARAI PEGAWAI BERTUKAR MASUK TETAP TAHUN 2025

Bil.	Nama	Jawatan/Gred	Bertukar Masuk Dari	Penempatan	Tarikh Kuat Kuasa
1	Mohd Azizan bin Abdullah	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	INTAN	Bahagian Khidmat	04.11.2025
2	Mazlina binti Alias	Pembantu Tadbir	ILP Pedas	Pusat Latihan Kenegaraan Ulu	10.11.2025
3	Khairudin bin Abas	Pegawai Perkhidmatan	PPD Sepang	Bahagian Eksekutif	01.12.2025
4	Fadzilah binti Buni	Pegawai Latihan Gred E10	Lantikan Baharu COS 15 tahun	Bahagian Khidmat	31.12.2025
5	Norfazlinda binti Ahmad	Pegawai Latihan Gred E9	Lantikan Baharu COS 15 tahun	AKM Pulau Pinang	31.12.2025
6	Mastura binti Johar	Pegawai Latihan Gred E9	Lantikan Baharu COS 15 tahun	AKM Pahang	31.12.2025
7	Mohd Zuhairi bin Che Mohd	Pegawai Latihan Gred E9	Lantikan Baharu COS 15 tahun	AKM Pahang	31.12.2025
8	Mohd Khairul Azhar bin Awam	Pegawai Latihan Gred E9	Lantikan Baharu COS 15 tahun	AKM Pahang	31.12.2025
9	Noni Binti Mohamed	Pegawai Latihan Gred E9	Lantikan Baharu COS 15 tahun	Bahagian Eksekutif	31.12.2025

### SENARAI PEGAWAI BERTUKAR KELUAR TETAP TAHUN 2025

Bil.	Nama	Jawatan/Gred	Bertukar keluar Dari	Bertukar keluar Ke	Tarikh Kuat Kuasa
1	Nur Liyana Binti Shamri	Pembantu Tadbir (Perkeranian/O perasi) Gred M1	PLK Ulu Sepri	IKTBN Chembong, KBS	10.11.2025
2	Dr. Noor Dasrafeezeal bin Abdul Shukur	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M12 (KUPJ)	Bahagian Media Digital	Pegawai Khas (Keselamatan) Pejabat Perdana	06.01.2025



PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM

### SENARAI PEGAWAI LANTIKAN BARU KONTRAK TAHUN 2026

Bil.	Nama	Jawatan/Gred	Penempatan	Tarikh Kuat Kuasa
1	Muhammad Irfan Faliq bin Sukardi	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operas)	Pusat Ltihan Kenegaraan Sampadi	5/1/2026
2	Nur Aniyah Nabilah binti Mohamed	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operas)	Bahagian Khidmat Pengurusan	5/1/2026
3	Nur Alyaa Husna binti Manzarolnizam	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operas)	Bahagian Khidmat Pengurusan	5/1/2026
4	Muhammad Farouq bin Khairuddin	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operas)	Pusat Latihan Kenegaraan Alor	5/1/2026
5	Muhammad Mussafuan bin Mohd	Pembantu Kemahiran	Pusat Latihan Kenegaraan Kaki	5/1/2026
6	Wan Mohamad Faisal bin Wan Mohd Rosli	Pembantu Kemahiran	Pusat Latihan Kenegaraan Tanjung	15/01/2026
7	Muhammad Afiff Fahmi bin Muhamad	Pembantu Khidmat Am	Institut Kenegaraan Perdana	5/1/2026
8	Safira Akmar Shakila binti Zainal	Pembantu Khidmat Am	Institut Kenegaraan Perdana	5/1/2026
9	Mohd Edaffey bin Zafri	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan Gunung	12/1/2026
10	Nor Fazilah Azawiah binti Ismail	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan Kulim	5/1/2026
11	Nurhidayah binti Abdul Nasir	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan Kulim	5/1/2026
12	Addy bin Julah	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan	5/1/2026
13	Jestinah @ Rafna binti Lapisik	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan	5/1/2026
14	Muhammad Faiz bin Saari	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan	5/1/2026
15	Nurul Haziqah binti Mazlan	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan	5/1/2026
16	Nurul Syahilah binti Roslan	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan	12/1/2026
18	Syaiful Hazli bin Abd Halim	Pembantu Khidmat Am	Pusat Latihan Kenegaraan Maran	5/1/2026



PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

## BULETIN AKM

### BENGGKEL PEMURNIAN MODUL LATIHAN KENEGARAAN MALAYSIA MADANI

**26- 28 Januari 2026**

AKM telah menganjurkan Bengkel Pemurnian Modul Latihan Kenegaraan Malaysia MADANI di Pulau Pinang.

Bengkel ini menghimpunkan peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Ibu Pejabat AKM dan Negeri serta Sahabat Penggerak MADANI.

Bengkel ini bertujuan menambah baik modul latihan AKM agar lebih komprehensif dan selaras dengan konsep Malaysia MADANI, sekali gus memperkukuh kesegaraman serta keberkesanan penyampaian program AKM.



### PERANCANGAN BAJET 2027: MEMPERKUKUH TADBIR URUS DAN KECEKAPAN STRATEGIK KEWANGAN

**28 - 31 Januari 2026**

Bengkel ini diadakan bertujuan merancang, mengemaskini dan menyelaras peruntukan keseluruhan bagi Dasar Sedia Ada dan Program Khusus bagi Ibu Pejabat dan Negeri dengan prinsip 'Let Managers Manage' agar peruntukan yang diterima dapat dibelanjakan dengan terarah dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran.

Pengisian slot bagi perkongsian maklumat berkaitan naziran akruan, pengurusan bajet, penemuan audit, pengurusan *ez apply* dan penggunaan kad kredit korporat turut diadakan bagi memastikan pengukuhan literasi kewangan dan penyediaan bajet dapat dilaksanakan secara lebih strategik dan berpaksikan hasil.





PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA BULETIN AKM

## AKM KOMITED MEMPERKUKUH JARINGAN KERJASAMA MELALUI KUNJUNG HORMAT

Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) telah mengadakan kunjungan hormat ke **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** dan **Akademi Latihan Ketenteraan** sebagai usaha memperkukuh jaringan kerjasama strategik antara institusi teras negara. Kunjungan ini bukan sekadar sesi pertemuan rasmi, malah menjadi platform perbincangan dua hala yang memfokuskan kepada pembangunan modal insan, pemantapan nilai, disiplin serta pengukuhan jati diri kebangsaan.

Melalui sinergi ini, AKM melihat potensi kolaboratif yang lebih menyeluruh merangkumi perkongsian kepakaran, penyelarasan program latihan serta pengayaan kandungan kenegaraan yang lebih berimpak. Pendekatan rentas institusi ini diyakini mampu menyumbang secara langsung kepada pembentukan negara bangsa yang berteraskan nilai, integriti dan semangat perpaduan.

Inisiatif ini juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan kesejahteraan, kemampanan dan ihsan dalam pentadbiran serta pembangunan masyarakat. Jalinan kerjasama strategik sebegini diharap dapat memperkukuh ekosistem kenegaraan negara secara lebih tersusun dan berdaya tahan demi masa depan Malaysia yang lebih progresif dan bersatu.



**19 Januari 2026**

Kunjung Hormat AKM ke Akademi Latihan Ketenteraan



**26- 28 Januari 2026**

Kunjung Hormat AKM ke JAKIM



PEJABAT PERDANA MENTERI  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

# AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA PEJABAT PERDANA MENTERI



[www.akm.gov.my](http://www.akm.gov.my)

Akademi Kenegaraan Malaysia

**SEKSYEN PENERBITAN**

INSTITUT KENEGARAAN PERDANA  
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI